

Apakah Itu Kerajaan Tuhan? (Bahagian 2)

Berdasarkan bab 8 daripada buku *Apakah Sebenarnya Ajaran Bible?* yang terdapat di jw.org/ms.

TUJUAN: Tinjau apa yang anda percaya dan sebabnya, kaji apa yang diajarkan Bible, dan lihat bagaimana anda dapat menjelaskan kepercayaan anda kepada orang lain.



APAKAH YANG AKAN DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN TUHAN?

1 TINJAU KEPERCAYAAN ANDA

Apakah pandangan orang tentang hal ini?

Apakah kepercayaan *anda*?

Mengapakah anda berkata begitu?

Kerajaan Tuhan telah melaksanakan beberapa perkara yang mengagumkan.
(Lihat buku *Ajaran Bible*, bab 8, perenggan 11-13.)

Baca Wahyu 12:7-10.

Setelah Yesus ditabalkan sebagai Raja Kerajaan Tuhan, apakah perkara pertama yang dilakukannya?

Baca Wahyu 12:12.

Setelah Syaitan diusir dari syurga, bagaimanakah keadaan di bumi? Selepas itu, mengapakah keadaan di syurga menjadi aman dan ada sukacita? (Tip: Baca semula Wahyu 12:10b.)



Kerajaan Tuhan telah membawa sukacita yang besar di syurga. Tidak lama lagi hal yang sama akan terjadi di bumi

Semua orang yang setia akan meraih manfaat daripada Kerajaan Tuhan.

(Lihat buku *Ajaran Bible*, bab 8, perenggan 14-23.)

Baca Pengkhotbah 8:9 dan Daniel 2:44.

Bagaimanakah Kerajaan Tuhan akan mengakhiri pemerintahan manusia yang kejam?

Baca Mazmur 37:29 dan Wahyu 22:1-3.

Apakah yang akan terjadi kepada penyakit dan kematian semasa di bawah pemerintahan Kerajaan Tuhan?

Apabila di dunia baharu nanti, apakah perkara yang ingin sekali anda lakukan?

3

JELASKAN KEPERCAYAAN ANDA

JIKA SESEORANG BERKATA...

Kerajaan Tuhan ada dalam hati kita.

ANDA BOLEH MENJAWAB...

Ramai orang juga berkata demikian. Tetapi saya percaya bahawa...

Apakah ayat Bible yang sesuai ditunjukkan kepadanya?

Bagaimanakah anda akan menjelaskan ayat itu kepadanya?

JIKA SESEORANG BERKATA...

Memandang Kerajaan Tuhan terletak di syurga, hal itu tidak mempengaruhi kehidupan di bumi.

ANDA BOLEH MENJAWAB...

Memang benar Kerajaan Tuhan memerintah dari syurga. Tetapi, saya percaya bahawa Kerajaan Tuhan dapat mempengaruhi kita kerana...

Apakah ayat Bible yang sesuai ditunjukkan kepadanya?

Bagaimanakah anda akan menjelaskan ayat itu kepadanya?
